

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Perubahan yang berlaku dalam dunia pekerjaan pada hari ini memaksa semua pihak sama ada ibu bapa, guru, kaunselor dan pihak berwajib bergabung tenaga dalam usaha membantu pelajar untuk memikirkan peluang bagi mencapai cita - cita kerjaya mereka. Stanley (1997) menggesa semua pihak agar peka akan perkembangan dunia hari ini yang semakin pesat dalam persaingan pasaran tenaga buruh. Dunia pekerjaan semakin dikuasai oleh penggunaan teknologi canggih yang menyebabkan kita perlu mencari strategi yang lebih kemas dalam meningkatkan kesedaran para pelajar kita untuk melengkapkan diri mereka dalam mencari ilmu pengetahuan yang sesuai dengan perkembangan terkini. Naisbitt & Aburdene (1991) mengatakan perubahan dalam dunia pekerjaan menyebabkan persediaan ke arah menguasai kemahiran dalam sesuatu kerjaya semakin kompleks.

Selaras dengan wawasan negara yang inginkan satu bentuk pembangunan yang padu dan mantap adalah amat wajar aspek kerjaya menjadi satu agenda negara yang penting untuk diberikan perhatian dan diperkemaskan. Ini bermakna setiap individu perlu mempunyai kemahiran dan menguasai bidang yang akan diceburi nanti. Dengan perkataan lain, pelajar patut menerima pendedahan maklumat tentang kerjaya seawal mungkin demi menguasai kerjaya yang akan dipilih. Maklumat kerjaya merupakan segala jenis maklumat yang penting diperoleh dan dikuasai oleh

seseorang dalam proses penerokaan dan penimbaan aspek kerjaya. Tambahan pula, Taylor (1997) menegaskan pengalaman awal dalam proses pemilihan kerjaya amat berguna kerana ia sebagai satu usaha dalam memantapkan pencapaian akademik yang cemerlang dalam bidang yang akan diceburi.

Keputusan terhadap pemilihan kerjaya wajar diselenggarakan dengan segera. Ini kerana kita tidak mempunyai banyak masa untuk berlengah kerana keadaan ini amat merugikan. Selaras dengan perkembangan dunia yang semakin pesat, Kiselica (1997) telah menegaskan bahawa pelajar harus diberikan pendedahan asas dan maklumat-maklumat penting termasuk menjalani ujian psikologi yang berkaitan dengan pemilihan kerjaya.

Di sinilah peranan kita dalam menyediakan prasarana kepada generasi muda untuk memahami senario dunia pekerjaan yang sebenarnya. Amla (1998) membincarakan bahawa kepesatan pembangunan ekonomi menjadikan bilangan pekerjaan semakin bertambah. Seseorang individu yang akan menerima sesuatu tawaran pekerjaan perlu melengkapkan diri dengan kemahiran dalam ruang lingkup pekerjaan tersebut supaya pekerjaan itu dapat dilaksanakan dengan penuh efisien. Bidang kerjaya yang berbentuk perkhidmatan dan pembuatan wujud dengan pesat pada ketika ini, tetapi adakah kita mempersiapkan diri pelajar-pelajar kita dengan segala maklumat yang perlu diketahui untuk menghadapi perubahan tersebut. Oleh itu, penyebaran maklumat tentang keperluan-keperluan sesuatu pekerjaan perlu diperluaskan. Persediaan ke arah pemupukan kemahiran dalam satu-satu kerjaya menjadi semakin ketara dan penting. Proses penyediaan sumber tenaga pekerja yang

benar-benar berkemahiran ini bermula dengan perancangan yang teliti di peringkat sekolah lagi. Osipow (1983) menegaskan bahawa proses pemilihan sesuatu pekerjaan memerlukan perancangan yang teratur supaya pemilihan tersebut kongruens dengan sifat semula jadi seseorang individu.

Oleh itu keperluan untuk membekalkan bahan-bahan yang berbentuk ujian atau inventori kerjaya akan dapat memberikan ruang kepada pelajar untuk membuat penilaian secara kendiri. Osipow (1983) menyatakan bahawa perkara yang perlu diambil kira ialah minat, bakat, personaliti serta pencapaian akademik dan maklumat tentang sesuatu pekerjaan. Mengikut Hogan (1995) semakin individu memahami diri mereka dan dunia pekerjaan yang akan diceburi, semakin mereka berpuas hati dan yakin dengan keputusan yang diambil.

Sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi pada abad ke -21 ini, manusia akan menghadapi satu lagi perubahan dalam aktiviti kehidupan seharian. Secara tidak langsung, bidang pekerjaan semakin meluas dan perubahan ini perlu diketahui oleh pelajar agar apabila mereka berhadapan dengan situasi sebenar kelak, mereka mampu melaksanakan tugas dengan lebih bijaksana. Ini bermakna pelajar yang menempuh alam pekerjaan pada alaf baru ini memerlukan satu persediaan yang mantap supaya benar-benar menguasai bidang kerjayanya nanti.

Sehubungan dengan isu inilah, perkhidmatan bimbingan kerjaya amat perlu dalam memberikan individu peluang untuk melengkapkan diri mereka dengan informasi terkini berkaitan dengan pemilihan kerjaya masing-masing. Oleh itu,

pelaksanaan program bimbingan kerjaya yang berkesan memerlukan kebolehan pembimbing yang dapat menyediakan maklumat yang selengkap-lengkapnya serta berkemahiran mengendalikannya. Dengan demikian, rujukan terhadap garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan pada 1993 berkaitan dengan model perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang menekankan aspek perkembangan individu termasuklah vokasional dan kerjaya perlu diteliti dan dikuasai. Panduan vokasional tersebut meliputi inventori minat kerjaya, soal selidik nilai pekerjaan dan inventori pemilihan kerjaya (Amla , 1998). Apa yang dikhuatiri ialah keupayaan guru pembimbing kerjaya itu sendiri dalam mengendalikan dan menggunakan ujian yang sedia ada, sepetimana keraguan Yunus (1984) terhadap keupayaan guru-guru kaunseling.

Apapun keadaan dan persoalan yang timbul, setiap individu wajar menjalani inventori kerjaya yang boleh mengkategorikan pola minat kerjaya mereka. Bertolak dari sini, usaha perlu dilakukan untuk membolehkan mereka mengetahui dan mendalamai jenis personaliti mereka sekaligus boleh memupuk minat kerjaya mereka. Ini sejajar dengan matlamat negara untuk melahirkan sumber tenaga manusia yang benar-benar menepati dan kongruens dengan bakat, minat dan keupayaan mereka dalam bidang yang diceburi. Oleh itu, bekalan pasaran sumber tenaga negara akan menjadi lebih tersusun dan sistematik. Kesan yang nyata, setiap individu akan berpuas hati dengan pemilihan pekerjaan mereka dan seterusnya mereka akan cuba memperkuuh minat mereka supaya usaha tersebut akan tercapai.

Masalah yang berkaitan dengan pemilihan pekerjaan pada hari ini ialah pelajar tidak menerima pendedahan yang konkrit daripada institusi pendidikan, khususnya daripada perkhidmatan kaunseling kerjaya dalam mengeksplorasi, menjana dan memupuk bakat, minat dan keupayaan mereka. Meskipun, sekolah merupakan institusi pendidikan yang memainkan peranan penting dalam melaksanakan program bimbingan kerjaya namun usaha ke arah perkhidmatan sedemikian begitu terhad.

Walaupun melalui Surat Pekeliling Iktisas Bil. 5 / 1976, KP (BS) 8548/ 1/Jld.II/ (4a) 5 / 5 / 76 kepada setiap sekolah, Kementerian Pendidikan berhasrat untuk memastikan setiap pelajar menerima perkhidmatan yang mencakupi aspek-aspek kerjaya tetapi dari segi pelaksanaannya masih di peringkat minimum.

Perkhidmatan bimbingan kerjaya belum dijalankan dengan sepenuhnya bagi membantu pelajar dalam membuat pemilihan kerjaya mengikut bakat, minat dan keupayaan seseorang. Sehingga kini proses pemilihan untuk melanjutkan jurusan pengajian adalah berdasarkan rekod pencapaian akademik semata-mata. Walaupun melalui Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) menyatakan bahawa pihak Bahagian Pelajaran Teknik dan Vokasional telah dapat mengesahkan bahawa setiap individu adalah berbeza antara satu sama lain, iaitu perbezaan dari segi kehendak, bakat, kecenderungan dan minat. Walaupun pihak jawatankuasa ini menyedari tentang perbezaan dalam diri individu dan perbezaan ini akan mempengaruhi pemilihan jurusan pengajian yang akan menentukan pekerjaan pelajar itu nanti. Tetapi apa yang jelas usaha untuk merealisasikannya masih di peringkat perancangan awal dan pelaksanaannya masih belum meluas.

Namun demikian dalam usaha kita ingin menyediakan tenaga pekerja yang berkualiti sesuai dengan kehendak semasa adalah sangat penting penggunaan inventori minat kerjaya didedahkan kepada pelajar supaya mereka dapat menentukan bidang yang diminati sebelum mereka membuat pilihan yang spesifik terhadap bidang pengajian yang selanjutnya. Amla (1998) menyatakan langkah awal untuk memilih pekerjaan ialah dengan mengetahui minat atau personaliti diri sendiri. Kenyataan ini ada rasionalnya kerana dengan mengetahui maklumat tentang diri sendiri barulah seseorang itu dapat menentukan hala tuju dalam mencari pekerjaan. Oleh itu, pemilihan kerjaya akan menjadi lebih tepat dan pelajar akan terdidik untuk membuat keputusan yang mantap dalam pemilihan kerjaya sejak di zaman persekolahan. Oleh yang demikian perancangan sebegini akan menambahkan motivasi dan keyakinan dalam mentelaah pelajaran kerana kejayaan yang dicapai dalam bidang yang diminati akan berakhir dengan pemilihan kerjaya yang sesuai dan relevan dengan keupayaan, bakat dan minat mereka.

Bagi memastikan perancangan ini dapat dilaksanakan dengan teratur, Amir Awang (1976) menyarankan kepada pihak kementerian supaya inventori kerjaya dititikberatkan melalui proses penterjemahan dan pengubahsuai ujian-ujian yang telah ada dari negara-negara lain. Mengikut surat pekeliling yang pertama berkaitan dengan aspek bimbingan oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 1965, ditegaskan tentang perlunya inventori-inventori mengukur personaliti digunakan dalam perkhidmatan bimbingan, khususnya di sekolah-sekolah walaupun mengambil masa dalam proses pelaksanaannya. Namun begitu, pandangan (Yunus, 1984) bahawa penggunaan inventori-inventori seperti yang dinyatakan masih amat terbatas. Ini

disebabkan oleh kurangnya inventori tempatan dan guru bimbingan yang terlatih untuk melaksanakan ujian atau inventori tersebut.

Senario dalam dunia pekerjaan yang semakin mencabar kebelakangan ini memerlukan perancangan dan komitmen yang teliti daripada pelajar dan guru pembimbing agar keputusan yang dibuat tepat menurut minat, bakat, dan personaliti. Hal ini dipertegaskan oleh ahli-ahli dalam Teori Kerjaya seperti Anne Roe (1956), Super (1957), Holland (1973), dan Osipow (1983) menyatakan bahawa individu perlu memiliki maklumat kerjaya sebelum mengambil sebarang keputusan dalam menetapkan kerjaya yang dipilih.

Holland (1965) menegaskan bahawa pemilihan pekerjaan merupakan satu manifestasi personaliti` diri seseorang dalam menonjolkan kebolehan serta penampilan tingkah laku yang ekspresif. Ini kerana pemilihan tersebut seterusnya akan menentukan dan melambangkan cara dan gaya hidup mereka.

Super (1953) menyatakan bahawa perkembangan kerjaya adalah satu proses pemahaman dan pemerolehan maklumat yang berlaku dari satu tahap ke satu tahap. Menurutnya lagi, seseorang individu itu perlu melalui beberapa peringkat berfantasi mengenai sesuatu pekerjaan, kemudian membentuk minat dan keupayaan, selanjutnya membuat penerokaan tentang kerjaya-kerjaya tersebut. Setelah melaksanakan penerokaan yang luas dan mantap seseorang individu itu akan membuat ketetapan yang tepat. Pelajar sekolah menengah di negara kita (dalam lingkungan umur 13- 17

tahun) adalah dalam peringkat umur penerokaan kerjaya, iaitu tahap tentatif (Ginsberg, 1984).

1.1.1 Persepsi Pelajar FELDA Terhadap Bidang Kerjaya

Berdasarkan sejarah penubuhan FELDA iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Akta Kemajuan Tanah 1956 pada 1 Julai 1956 telah ditadbirkan oleh sebuah Lembaga yang di bawah tanggungjawab Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Matlamat utama penubuhan FELDA yang utama ialah bertujuan untuk memajukan tanah baru untuk dijadikan kawasan pertanian yang produktif dan sempurna melalui amalan pengurusan pertanian yang berkesan. Disamping itu, peranan kedua FELDA dibangunkan ialah untuk membantu dan menggalakkan pertumbuhan masyarakat yang maju, produktif dan berdisiplin bagi meningkatkan taraf hidup dan menjamin mutu kehidupan yang lebih sempurna.

Berasaskan peranan kedua yang dimainkan oleh pihak FELDA ialah pembangunan masyarakatnya dari segi semua aspek kehidupan, iaitu meliputi pembangunan ekonomi, sosial dan politik. Tidak syak lagi jika pembangunan ketiga-tiga aspek ini wujud, penubuhan asas FELDA ini dianggap berjaya. Ini kerana kebanyakan peneroka FELDA yang terpilih menyertai rancangan ini diharapkan dapat mengubah taraf sosio-ekonomi mereka. Mereka merupakan golongan masyarakat Melayu yang berasal daripada kumpulan yang miskin dan mempunyai taraf sosio-ekonomi yang terendah. Dengan hak pemilikan tanah ladang dan tapak rumah, adalah dijangkakan ia akan mengubah nasib dan kehidupan seisi keluarga dan

generasi mereka. Tetapi kini perkara yang agak membimbangkan ialah apabila kumpulan anak-anak atau pewaris harta tanah ini menerima pusaka, pihak FELDA hanya membenarkan salah seorang daripada pewaris menerima tanggungjawab untuk mengusahakan tanah tersebut. Apa yang berlaku tidak semua daripada kalangan anak-anak atau generasi kedua FELDA telah berjaya dalam kehidupan. Daripada apa yang diperhatikan mereka masih tergolong dalam kumpulan buruh kasar, pekerja kilang serta pekerja ladang.

Dilihat pada sudut pendidikan, ada beberapa masalah yang timbul. Kumpulan yang bersekolah di FELDA ini sebahagiannya ialah kumpulan generasi kedua dan terdapat juga kumpulan generasi ketiga. Pihak pengurusan FELDA bertanggungjawab dalam memastikan mereka perlu dibantu dari segi pengurusan pendidikan. Namun permasalahan yang wujud pada hari ini di kalangan pelajar-pelajar FELDA ialah sama ada mereka dipelihara oleh ibu bapa yang juga peneroka ataupun ada yang dipelihara oleh datuk masing-masing. Dalam soal pembiayaan dan pengendalian pendidikan amat kurang penekanan diberikan kerana banyak tanggungjawab ini masih diserahkan sepenuhnya kepada pihak sekolah.

Apatah lagi jika dilihat dari aspek penerokaan kerjaya, amatlah sedikit komitmen yang ditunjukkan oleh keluarga dalam membantu mereka dalam meneroka maklumat kerjaya. Dengan sumber pendapatan yang rendah di kalangan ahli peneroka FELDA mereka membanting tulang hanya sekadar untuk memenuhi keperluan asas dalam kehidupan. Soal pendidikan dan persekolahan anak-anak kebanyakannya diserahkan kepada pihak sekolah. Tidak dapat dinafikan bahawa anak-anak ini kurang

berpeluang untuk berbincang dengan keluarga tentang soal – soal prospek kerjaya atau yang berkaitan. Tinjauan terhadap pelajar-pelajar di peringkat menengah atas, didapati mereka masih kurang menerima bahan atau sumber untuk dipraktikkan di peringkat asas dalam mengenal pasti jenis personaliti serta minat mereka yang sebenarnya. Malah mereka tidak diberikan panduan untuk mencari bahan sebegini , sama ada dalam bentuk cetak maupun dalam bentuk elektronik.

Memang terdapat segolongan daripada pelajar di sini sudah mempunyai persepsi bahawa mereka merupakan penerus tradisi hidup keluarga dan memandang ringan perkara sebegini. Di samping itu, didapati pelajar di FELDA mempunyai konsep kendiri yang rendah dan melihat kehidupan mereka perlu diteruskan sebegini apa yang ada di sekitar mereka, iaitu sama ada menjadi peneroka, pekerja kilang ataupun kerja-kerja perburuhan. Jika kelulusan dalam peperiksaan yang diperolehi agak baik, mereka mungkin berpeluang menjawat pekerjaan dalam bidang perkeranian dan perkhidmatan di syarikat swasta atau pejabat kerajaan. Manakala yang berkelulusan cemerlang akan berpeluang untuk melanjutkan pengajian tetapi malangnya yang meneruskan pengajian ini pun , kebanyakannya belum dapat menentukan jurusan yang bersesuaian dengan minat kerjaya yang memanifestasikan jenis personaliti mereka yang sebenarnya. Tidak juga dinafikan pemilihan dalam kerjaya turut dipengaruhi oleh pengaruh dan desakan daripada ibu bapa. Trice (1995) pula menegaskan pengaruh keluarga begitu ketara dalam pemilihan kerjaya anak-anak. Oleh itu, sebarang pemilihan kerjaya kadangkala bukanlah berasaskan pola minat tetapi yang ketara ialah faktor peluang, permintaan keluarga dan pencapaian akademik lebih diutamakan.

Selain kebimbangan sepihik yang dikemukakan di atas, seperkara yang menjadi kebimbangan ialah terdapat penglibatan segolongan pelajar di FELDA ini dengan gejala sosial. Mengikut rekod pihak sekolah tentang disiplin segelintir pelajar FELDA tersebut amat mendukacitakan. Golongan ini terlibat dengan gejala lepak, merokok , berlumba haram, menghidu gam, berjudi serta ketagihan dadah. Persoalannya, perkara ini terjadi akibat kurangnya penekanan terhadap apa yang harus dilakukan semasa zaman persekolahan dan apa yang patut dilakukan oleh mereka selepas zaman persekolahan. Oleh sebab tiada bimbingan ke arah mengenali dan mengenal pasti minat kerjaya mereka serta tidak ada maklumat tentang potensi diri yang boleh membangkitkan kesedaran positif menyebabkan pelajar-pelajar ini mula menggiatkan diri dengan aktiviti kurang berfaedah (Suradi, 1998). Kegiatan kurang berfaedah tersebut berlaku bukan sahaja pada musim cuti atau hujung minggu malah semasa sesi persekolahan. Kes sebegini berlaku kerana ia sangat berkaitan dengan tanggapan atau persepsi yang terbit dalam diri dan yang diberikan kepada mereka bahwa mereka tidak mempunyai masa depan, mereka tidak ada potensi yang boleh dibanggakan serta sudah ada pesediaan minda (mind setting) untuk menjadi golongan tercincir daripada sistem persekolahan. Keadaan ini amatlah membimbangkan kerana fenomena begini boleh membawa implikasi negatif kepada perancangan sumber tenaga negara.

Berdasarkan kajian Suradi Salim(1998), perancangan pelajar bukan Melayu terhadap pekerjaan berlaku lebih awal berbanding dengan perancangan pelajar Melayu.Apa yang didapati, pelajar Cina akan mencari pekerjaan yang bersesuaian dengan minat , bakat dan keupayaan mereka selepas menjalani peperiksaan Sijil

Pelajaran Malaysia. Mereka telah meletakkan batu asas bahawa jika tiada keupayaan untuk ke menara gading adalah lebih berfaedah mencari pekerjaan selepas tamat Tingkatan Lima dan mereka selalunya membuat keputusan yang tepat dengan memilih bidang kerjaya yang bersesuaian dengan minat, bakat dan keupayaan mereka. Kerap kali kerjaya yang diceburi adalah yang berbentuk teknikal dan mengutamakan kemahiran.

Berbanding dengan pelajar Melayu , khususnya di FELDA impian mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi wujud tetapi tidak melakukan sebarang tindakan untuk merealisasikan cita-cita tersebut. Malah terdapat pelajar yang mempunyai persepsi bahawa mereka bukan daripada golongan yang berpotensi dalam pelajaran dan telah terbit tanggapan bahawa mereka hanya mampu meneruskan kehidupan sebagai peneroka , pekerja kilang kelapa sawit, kerja- kerja perburuhan dan seumpamanya. Malah ramai di kalangan lepasan pelajar SPM di sekolah ini terus bekerja di kilang sebelum keputusan peperiksaan diumumkan, dan akan meneruskan pekerjaan tersebut sekiranya gagal dalam peperiksaan. Sigelman (1995) mengatakan bahawa pekerjaan sementara yang dilakukan bukan sesuatu kerjaya yang boleh membentuk kemahiran atau 'teaching new skills' dan 'building character'. Malah kerja sambilan yang dilakukan tidak langsung mengukur keupayaan dan minat seseorang individu tersebut. Ini kerana menurutnya pekerjaan dilakukan setakat pekerjaan di restoran makanan segera, jurujual atau di pusat riadah yang dilakukan semata-mata untuk menambah pendapatan sampingan. Akibatnya, pendedahan sebegini awal dalam dunia pekerjaan yang tidak terancang tidak

membantu dalam perkembangan yang sihat dari segi mengenal pasti pola minat kerjaya seseorang pelajar.

Galakan dan usaha untuk mendalami bidang kemahiran di mana-mana institusi pendidikan swasta atau pusat latihan kemahiran kerajaan bukanlah satu prioriti kepada pelajar-pelajar di Felda lebih-lebih lagi jika pengajian tersebut atas tanggungan sendiri. Situasi sebegini menyebabkan ramai pelajar lepasan sekolah di FELDA ini tidak merancang jenis pekerjaan yang akan diceburi kerana pekerjaan yang dijawat lebih berdasarkan upah atau ganjaran yang bakal diperoleh demi menanggung keperluan mereka. Oleh itu, soal meneroka kerjaya yang benar-benar berkait rapat dan bersangkut paut dengan minat, bakat dan keupayaan mereka sendiri tidak dipentingkan.

Walau apapun alasan yang diberikan dalam menentukan aspek penerokaan bidang kerjaya, Shetchman dan Sansbury (1989) menekankan bahawa aspek personaliti dan minat kerjaya perlu diambil kira dalam pemilihan sesuatu profesi. Walaupun tidak dinafikan keupayaan intelek sebagai satu kriteria dan pertimbangan yang penting bagi menentukan kelayakan dalam memasuki mana-mana institusi pendidikan atau pusat latihan.

Kesimpulannya, perlulah pelajar-pelajar tersebut diberikan peluang untuk menjalani ujian minat kerjaya kerana cara ini dapat membantu mereka dalam mengumpul maklumat dan informasi yang tepat serta relevan berkaitan dengan aspek kerjaya. Peluang memahami minat kerjaya ini juga sekurang-kurangnya dapat

membantu mereka memupuk motivasi belajar serta mula memikirkan dan merancangkan strategi pembelajaran demi mencapai cita-cita mereka (Rohani, 1993). Secara tidak langsung kita berharap mereka mula menyedari kepentingan pendidikan dan merebut peluang yang ada di sekolah. Apabila usaha meneroka sesuatu kerjaya, seadaikit sebanyak faktor-faktor minat dan bakat akan diberi keutamaan agar kerjaya yang diceburi akan seiras dengan kehendak saemula jadi mereka.

1.1.2 Kepentingan Inventori Minat Kerjaya

Pokok persoalannya, keperluan untuk memperluas inventori jenis kerjaya kepada pelajar-pelajar perlu dilakukan. Menurut Rohani (1993) ujian psikologi atau inventori kerjaya dijalankan supaya :

- i. klien dapat memahami diri sendiri supaya ia sedar akan minat , keupayaan serta potensi yang ada pada dirinya,
- ii. klien dapat membuat pemilihan mata pelajaran, kursus serta bidang latihan yang besesuaian dengan minat dan keupayaan mereka,
- iii. pihak institusi pendidikan atau organisasi yang membuat pemilihan calon untuk sesuatu kursus akan dapat membuat pemilihan pelajar yang tepat melalui maklumat jenis kerjaya pelajar daripada ujian atau inventori sebegitu.

Banyak kajian yang diperolehi mendapati terdapatnya korelasi antara minat dan personaliti seseorang. Oleh itu, tidak menghairankan jika sesuatu pekerjaan itu mendapat tarikan kelompok yang mempunyai personaliti yang selaras dengan minat dan kebolehan mereka.

Menurut Amir Awang (1976) pemilihan kerjaya merupakan satu perkara penting dalam diri individu sejak berada di zaman remaja, walaupun tidak secara formal tetapi arah tuju kerjaya mulai dirasai apabila individu memikirkan prestasi akademik dan masa depannya.

Menurut beliau pemilihan ini dilakukan kerana :

- a) kerjaya yang diidam-idamkan ini sedikit sebanyak dapat mencorakkan bidang pekerjaan yang akan diceburi . Lagipun pemilihan kerjaya akan memberikan implikasi peranan yang akan dilaksanakan nanti.
- b) kerjaya juga memanifestasikan personaliti seseorang apabila dewasa. Identiti yang terhasil akan meninggalkan kesan yang jelas ke atas dirinya kelak.
- c) kerjaya merupakan suatu tanda yang penting dalam menentukan status kedudukannya dalam masyarakat. Lambang dan gaya kehidupan, sikap dan pemikiran digambarkan menerusi taraf status yang dimiliki oleh seseorang.
- d) kerjaya membantu individu menentukan dan memenuhi keperluan-keperluan hidup serta membentuk kepuasan diri serta perkembangan hormat- kendiri (self respect).
- e) remaja mengalami kesukaran membuat penentuan kerjaya kerana terdapat ribuan pekerjaan dalam pasaran oleh itu proses pemilihan kerjaya menjadi sukar dan terhad. Lebih-lebih lagi remaja kurang pengetahuan dan maklumat tentang kerjaya yang sedia ada.

Kajian yang ditemui menyatakan terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira dan diketahui oleh seseorang individu sebelum menerokai dan menceburi dalam dunia pekerjaan. Antaranya, Crow (1967) memberikan garis panduan termasuklah:

- a) keupayaan, minat dan sifat-sifat peribadi seseorang individu.
- b) Kebolehan-kebolehan atau personaliti yang perlu ada untuk memenuhi syarat-syarat pekerjaan
- c) Kecenderungan serta minat yang ketara terhadap aktiviti-aktiviti pekerjaan
- d) Keupayaan memperoleh kepuasan melalui bidang kerjaya yang diceburi, iaitu lahir secara semula jadi.

Atas situasi inilah ramai ahli psikologi dan sosiologi mengemukakan pandangan dan teori mereka demi membantu remaja membuat pemilihan kerjaya dengan berkesan dan efektif. Antara yang terkemuka ialah John . L. Holland (1973) membuat tanggapan bahawa minat terhadap sesuatu kerjaya merupakan manifestasi personaliti individu. Oleh itu, "Self Directed Search " (SDS, Holland , 1971) digunakan untuk mengukur pola minat kerjaya pelajar. Pengkaji telah memilih alat ini dalam kajiannya dan pemilihan ini berasaskan maklumat bahawa isi atau kandungan inventori ini memberikan maklum balas tentang minat kerjaya responden, malahan ia juga dapat membantu pelajar mengenal pasti minat vokasional utama responden itu. Sekurang-kurangnya kajian terhadap pengukuran minat kerjaya pelajar di Felda ini dapat dilakukan bersama demi memenuhi hasrat wawasan negara. Oleh itu masalah mengenal pasti minat kerjaya serta menetapkan hala tuju kerjaya mereka lebih terbimbing berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan.

1.2 Latar belakang Teori Pemilihan Kerjaya Holland

Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1959;1962;1985) telah memberikan satu landasan yang konkret dan jelas dalam usaha menerangkan personaliti individu,kontigensi-kontigensi persekitaran serta hubungan atau interaksi yang kongruens antara personaliti dengan persekitaran kerja. Holand membentuk teori pemilihan kerjayanya sebagai bersifat struktur - interaktif atau tipologi interaktif. Sifatnya yang berstruktur atau bertipiologi amat jelas kelihatan kerana sebahagian usaha dan peranan Holland adalah mengumpul data-data yang luas dan banyak tentang manusia dan persekitaran dunia pekerjaan mereka. Sementara teori ini dianggap bersifat interaktif kerana Holland membuat andaian bahawa majoriti pekerjaan dan tingkah laku sosialnya merupakan refleksi antara individu dengan dunia pekerjaan yang diceburinya. Kesesuaian serta pemadanan antara personaliti dan persekitaran boleh membantu individu mengalami kepuasan dalam menjalankan aktiviti kerjayanya.

Banyak pengkaji amat bersetuju dengan tipologi Holland kerana dianggap mudah diselenggarakan serta mesra guna (Amla Salleh, 1998). Malah apabila diteliti secara mendalam idea yang terdapat dalam teorinya amat mudah difahami dan diselenggarakan. Holland (1985a) mengklasifikasikan tipologinya kepada tiga aspek utama, iaitu , pertama manusia boleh digolongkan mengikut keserupaannya yang meliputi salah satu daripada enam jenis personaliti atau dikenali sebagai RIASEK. RIASEK membawa makna kepada Realistik (R), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), Enterprising (E) dan Konvensional (K). Situasi ini menjadi jelas

apabila seseorang dapat menampilkan tret-tret peribadi yang hampir dengan sesuatu personaliti. Kedua, persekitaran kerja juga dapat dikategorikan berdasarkan keserupaan personaliti seseorang terhadap salah satu enam model persekitaran RIASEK. Tegas Holland (1985^a) lagi seseorang individu itu seboleh mungkin akan mencari persekitaran yang serupa dengan ciri-ciri personalitinya, ini kerana individu tersebut akan menampilkan serta menonjolkan bakat dan kemahiran yang cemerlang dalam persekitaran tersebut.

Ternyata bahawa Holland (1973, 1985^a) menegaskan bahawa terdapat interaksi yang begitu ketara antara jenis personaliti dan persekitaran kerja. Seseorang individu bertindak memilih sesuatu kerjaya hanya apabila ia sesuai dengan tatacara hidup serta persepsi mereka. Ini bermakna individu itu berasa selesa melaksanakan tugas yang sealiran dengan personaliti masing-masing. Beliau mampu menyedarkan kita tentang bagaimana pemilihan sesuatu kerjaya sebagai satu tindak tanduk dan perlakuan ekspresif yang sekaligus menampilkan kebolehan, keupayaan, personaliti serta pengetahuan seseorang individu. Keadaan ini jelas apabila seseorang yang menceburi bidang persawatan , individu tersebut pasti mampu menggunakan dan memanipulasikan peralatan yang bersangkut paut dalam bidang ini. Dengan perkataan lain, pemilihan individu terhadap sesuatu jenis kerjaya jelas menggambarkan sikap intrinsik dan ekstrinsik individu tersebut di samping meneruskan visi dan misi mereka masing-masing sehingga berupaya mencapai kecemerlangan.

Holland (1973 , 1985^a) kerap kali menegaskan setiap jenis personaliti terbit daripada cernaan pelbagai aspek hidup termasuklah aspek genetik, rakan sebaya, ibu

bapa dan keluarga, latar belakang sosial serta persekitaran hidup. Bermula daripada ciri-ciri kehidupan inilah akan terbentuklah pengalaman-pengalaman tertentu sehingga minat akan menguasai personaliti seseorang. Bermula daripada minat yang tertanam akhirnya minat tersebut menjadi suatu sebatian dan sesuai dengan personaliti serta persekitaran sehinggalah individu akan terbiasa dengan persekitaran tersebut. Misalnya, individu yang kerap mendampingi persekitaran ciptaan alat kraftangan , kebiasaan yang berulang-ulang akan memahirkan mereka disertai pula dengan bakat semula jadi akhirnya individu jenis personaliti Sosial (S) ini akan berkemungkinan menceburι bidang pembuatan kraf apabila dewasa kelak. Holland (1985a) menegaskan bahawa jenis-jenis personaliti dapat ditentukan dengan ciri-ciri model persekitaran yang ada. Oleh sebab terdapat pelbagai jenis personaliti, maka individu berusaha menerokai dan akhirnya menceburι mana-mana ciri persekitaran yang kongruens dengan minat, bakat dan keupayaan yang ada pada diri individu tersebut.

Secara khusus, Holland (1959,1966,1973, 1985a) telah membahagiakan manusia kepada enam personaliti : Realistik (R), Investigatif(I), Artistik (A), Sosial (S), Enterprising (E) dan Konvensional (K) atau ringkasnya RIASEK berlandaskan ciri masing-masing. Di bawah ini dijelaskan serba sedikit tentang ciri-ciri bagi setiap jenis personaliti tersebut.

Jenis Personaliti Realistik

Individu yang tergolong dalam kumpulan Realistik begitu cenderung dan berminat dalam koordinasi motor serta berkecenderungan mengalami persekitarannya yang

konkrit dan fizikal. Individu ini juga gemar pada aktiviti memanipulasikan objek, alat kejuruteraan dan kehaiwanan. Oleh itu ini jelas menunjukkan individu berpesonaliti Realistik menjalankan aktiviti secara tersusun, sistematik dan aktiviti bercorak eksplisit. Perkara yang amat ketara ialah golongan ini kurang berketrampilan sebagai pemimpin atau penyeliaan, tidak menggemari diri menjadi fokus perbincangan atau pemikiran abstrak kerana amat bertentangan dengan ciri-ciri teknikal dan konkrit yang sebatи dengannya.

Jenis Personaliti Investigatif

Individu yang tergolong dalam kumpulan jenis personaliti ini menjalani persekitaran yang berasaskan daya keintelektualannya memanipulasikan idea-idea, maklumat-maklumat dan lambang-lambang. Individu berpesonaliti ini berkecenderungan mengadakan aktiviti -aktiviti penyelidikan dan penyiasatan secara sistematik dan terkawal seperti pemerhatian terhadap fenomena - fenomena fizikal, biologi dan budaya. Ini bertujuan untuk mencari penyelesaian masalah serta mengalami kepuasan diri setelah aktiviti tersebut berjaya dilaksanakan. Amat ketara individu yang berpesonaliti Investigatif berminat terhadap pekerjaan yang bercorak fiksyen dan saintifik serta bersifat teoritikal. Mereka meletakkan diri mereka dalam kumpulan yang mempunyai intelektual yang tinggi dalam bidang sains dan matematik. Sifat yang suka mencuba, meneroka serta meneliti terbit daripada sikap yang ada keyakinan diri, bersifat kelakian, minat dan cenderung dalam ilmu pengetahuan serta 'introvert'. Walaupun individu sebegini begitu tinggi keupayaan dalam bidang saintifik tetapi

jelas mempunyai kekurangan dari segi hubungan sosial dan kurang ketrampilan dari segi kepimpinan.

Jenis Personaliti Artistik

Individu yang tergolong dalam kumpulan personaliti ini mengendalikan persekitaran yang berkait langsung dengan aktiviti mereka cipta dan kesenian. Penampilan yang agak pemalu dan kurang menggemari penyelesaian masalah yang berbentuk struktur. Tetapi yang ketara ialah kecenderungan mengendalikan aktiviti bebas, kabur serta tidak tersusun. Oleh sebab kecenderungan yang mendalam dalam bidang ini, individu ini digambarkan sebagai seorang yang sensitif, imaginatif, intuitif, tulen, bersifat kewanitaan serta idealistik. Yang jelas dan menarik mereka ini amat mengapresiasikan bidang-bidang artistik dan nilai estetika seperti kesenian dalam muzik, bahasa, drama, kraf tangan dan lukisan serta lani-lain. Namun individu golongan ini kurang terserlah bakat mereka dalam bidang perkeranian dan perdagangan.

Jenis Personaliti Sosial

Individu yang tergolong dalam jenis personaliti ini mempunyai keupayaan interpersonal yang tinggi. Amat ketara ialah mereka kurang terserlah dari segi aktiviti teknikal, kemahiran fizikal atau pemikiran yang bercorak keintelektualan. Fokus utama aktiviti mereka lebih kepada persekitaran yang berbentuk khidmat masyarakat dan hubungan sosial. Oleh itu individu sebegini menggemari aktiviti seperti

keagamaan, kemasyarakatan, dan kemanusiaan. Bidang tugas yang diceburi termasuklah sebagai pendidik, penasihat agama dan bimbingan, kakitangan perubatan dan kepimpinan. Kemampuannya berceramah dan menyampaikan khidmat nasihat agak terserlah. Oleh itu mereka ini mempunyai kemampuan yang tinggi dan stabil dari segi hubungan sesama manusia dan kecenderungan menolong , responsif, bersosial, bersifat kewanitaan, persuasif dan sifat-sifat kemanusiaan.Namun kekurangan yang jelas tergambar dalam aktiviti kemahiran tangan dan teknikal.

Jenis Personaliti Keusahawanan


Individu yang tergolong dalam jenis personaliti ini memiliki kualiti-kualiti kembara,dominan , ghairah dan terburu-buru dalam mencapai cabaran-cabaran persekitarannya. Personaliti jenis ini memperlihatkan ciri-ciri sebagai seorang yang pandai memujuk, bijak bijaksana, 'extroverted', sedia menerima , penuh keyakinan, agresif dan menunjuk-nunjuk. Aktiviti yang digemari termasuklah pengendalian urusan bercorak jualan, penyeliaan dan kepimpinan yang memerlukannya untuk bertindak secara dominan, mengekspresikan sesuatu menerusi bahasa serta suka akan sesuatu pengiktirafan atau memegang kuasa. Di samping itu, individu ini menggemari olahraga,drama, ceramah umum, temuduga dan tidak menyukai aktiviti berbentuk pemerhatian, simbolik dan sistematik. (Holland 1985 a).

Jenis Personaliti Konvensional

Individu jenis personaliti ini menghadapi persekitaran yang mengamalkan pemanipulasian data-data secara eksplisit dan sistematik seperti menyimpan rekod-rekod, mengisi butir-butir ke dalam fail, menghasilkan semula material, mengorganisasikan bahan-bahan tulisan dan membangunkan sesebuah organisasi. Golongan ini menghadapi persekitaran yang berkaitan dengan kegiatan yang direstui oleh masyarakat. Oleh yang demikian, maka ia digambarkan sebagai mempunyai sifat-sifat akur, cermat, tekun, bersikap kawal-kendiri dan bela diri, teratur, tidak imaginatif, cekap, tidak fleksibel dan tidak praktikal. Aktiviti yang digemari termasuklah kegiatan yang bercorak perkeranian dan perkiraan. Ia memberi nilai yang tinggi kepada perkara-perkara yang bersangkutan dengan ekonomi dan mempunyai bakat yang lebih mendalam bidang matematik berbanding bidang bahasa (1985 a)

Holland (1973,1985 a) menganggap jenis-jenis personaliti ini mempunyai perhubungan secara psikologi. Sesetengah jenis personaliti mempunyai sebahagian daripada ciri-ciri personaliti yang lain dan seseorang individu itu mungkin dapat digolongkan ke dalam jenis personaliti yang terdiri daripada satu dan lebih mengikut susunan model hexagon (Lihat rajah 1).

Mengikut Holland (1973, 1985 a) terdapat tiga tujuan model hexagon terhadap teorinya.



Rajah 1 : Struktur hexagon enam jenis personaliti dan model persekitaran, serta hubungan inter dan intrakelas (Holland, et.al., 1969)
 Sumber: Holland, J.L., Whitney, D.R., et.al dalam Holland, J.L.(1973)
Making Vocational Choices: A Theory of Careers. Englewood Cliffs, New Jersey : Prentice - Hall , Inc.

1. Model hexagon dapat menjelaskan tentang darjah konsistensi pola personaliti seseorang individu. Melalui profil yang diperolehi daripada skor-skor VPI , SDS dan SDS - E , salah satu daripada tiga tahap konsistensi dapat ditentukan dengan cara mengambil dua skor skala tertinggi. Bagi Holland (1973, 1985 a) tahap konsistensi dapat

dibahagikan kepada tiga , iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Pola personaliti yang bersebelahan mengikut susunan hexagon dianggap mempunyai tahap konsoistensi yang tinggi. (R - I, I - A, A - S, S - E, E - K, K - R, dan lain-lain). Manakala pola personaliti yang bertentangan di dalam hexagon dianggap mempunyai tahap konsistensi yang sangat rendah (A - K, I - S, I - E). Pola personaliti yang disusun dengan setiap jenis personaliti yang lain di dalam hexagon membentuk tahap konsistensi yang sederhana , (misalnya I - S, S- K, R - A) dan lain-lain

Jadual 1.1 : Tahap-tahap Konsistensi Holland

Tahap Konsistensi	Pola-pola Personaliti
Tinggi	RI, RK, IR, IA, AI, AS, SA, SE, ES, EK, KE, KR
Sederhana	RA, RE, IS, IK, AR, AE, SI, SK, EA, ER, KS, KI
Rendah	RS, IE, AK, SR, EI, KA

Sumber : Holland, J.L. Making of Vocational Choice (1985) A Theory of Vocational Personality and Work Environment. (Edisi Kedua) Englewood Cliffs. New Jersey : Prentice Hall Inc.

2. Model hexagon juga dapat memperjelaskan konsistensi sesuatu persekitaran dengan cara yang sama. Dalam hal ini, Holland (1973,

1985 a) telah menggunakan kaedah menukarkan skor-skor yang diperolehi daripada pengukuran jenis-jenis personaliti kepada bentuk peratusan untuk membentuk profil sesuatu persekitaran.

3. Model hexagon memberi keterangan yang lebih nyata dan jelas tentang darjah kongruens antara personaliti dengan persekitaran. Tegas Holland (1973 , 1985 a) posisi yang kongruens bagi individu yang mempunyai jenis personaliti Enterprising (E) ialah apabila individu itu berada dalam persekitaran Enterprising (E). Sementara itu, posisi tidak kongruens berlaku apabila individu mempunyai jenis personaliti Realistik (R) ialah apabila berada dalam model persekitaran Artistik.

Selanjutnya, Holland (1973, 1985a) menyatakan bahawa kombinasi dan interaksi yang kongruens antara personaliti dengan persekitaran mengikut model hexagon serta dapat menghasilkan beberapa tingkah laku berbentuk kepuasan, pencapaian dan pertukaran kerja.

Model -model Persekitaran

Berdasarkan pandangan Holland (1973, 1985a) sifat dan perlakuan manusia sangat berhubungan kait dengan personaliti dan persekitaran individu. Oleh itu, jenis-jenis personaliti itu perlulah dilengkapkan dengan maklumat-maklumat persekitaran. Sesuatu model persekitaran dapat disamaartikan sebagai persekitaran atau situasi yang dibentuk oleh orang-orang yang menguasai dan mendominasikan sesuatu persekitaran itu. Lebih jelas lagi persekitaran Intelektual (I) didominasikan oleh orang-orang yang

mempunyai jenis personaliti (I); persekitaran Sosial (S) didominasikan oleh mereka yang memiliki jenis personaliti Sosial , dan seterusnya persekitaran yang lain.

Gagasan typologi Holland menyenaraikan jenis-jenis personaliti dan model-model persekitaran yang sama, Oleh itu Holland (1973, 1985a) mengkategorikan jenis-jenis personaliti dan model-model persekitaran mengikut istilah atau tema yang sama: (Realistik), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), Enterprising (E), dan Konvensional (K) atau ringkasnya RIASEK. Memang tidak dinafikan bahawa jenis personaliti yang kongruens dengan model persekitaran dapat menghasilkan beberapa tingkah laku kerjaya yang boleh dijangkakan. Misalnya, jenis personaliti yang kongruens dengan jenis persekitaran akan mendatangkan kesan kepuasan kerja yang optimum, pencapaian dan stabiliti dalam kerjaya sebagai contoh interaksi yang kongruens antara jenis personaliti Enterprising (E) dengan persekitaran Enterprising. Sebaliknya , seseorang individu yang mempunyai jenis personaliti Artistik (A) apabila berada atau berkhidmat dalam jenis personaliti Intelektual (I) akan merasai atau mengalami keadaan yang tidak seronok, tidak puas hati dan berkemungkinan bertukar-tukar kerja.

1.3 Pernyataan Masalah

Sebagaimana yang kita ketahui, kebanyakan pelajar kita membuat pemilihan kerjaya tanpa berasaskan sebarang persediaan dan perancangan awal yang sistematik. Super (1960) menegaskan bahawa terdapat pelbagai jenis pekerjaan di pasaran, namun ramai individu masih belum mengenali akan diri mereka semasa membuat pemilihan kerjaya. Oleh itu amatlah perlu pelajar kita diberikan pendedahan dan

kesedaran tentang siapa diri mereka dan melihat kesesuaian dirinya untuk satu atau beberapa jenis pekerjaan sebelum membuat pemilihan kerjaya. Amatlah wajar pelajar dibantu untuk memahami minat mereka dan jenis personaliti yang tepat agar pemilihan kerjaya itu tepat menggambarkan diri mereka yang sebenarnya.

Oleh itu, kita perlu menjalankan satu pengukuran untuk membantu pelajar-pelajar membuat pemilihan kerjaya. Atas kesedaran sebeginilah , pengkaji ingin melihat sejauhmana pelajar mengenali bidang kerjaya berasaskan pengetahuan tentang minat kerjaya mereka.

Holland (1973) pernah memberikan 4 saranan semasa seseorang ingin membuat pemilihan kerjayanya. Antara saranan utama ialah individu-individu boleh dikategorikan kepada enam kumpulan persekitaran kerjaya. Penjelasan yang dapat kita tafsirkan bahawa individu-individu yang tergolong dalam kumpulan yang tertentu akan memilih persekitaran yang selaras dan kongruen dengan personalitinya. Perkara ini amat ketara dan jelas kerana apabila seseorang yang mempunyai minat kerjaya Sosial sudah pasti individu tersebut memilih persekitaran Sosial yang bersesuaian dengan kebolehan dan kecekapannya supaya kepuasan diri tercapai.

Beberapa kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat mendapati bahawa alat SDS boleh digunakan untuk melihat minat kerjaya (vokasional) pelajar-pelajar. Alat SDS ini didapati boleh mengkelaskan sampel kajian kepada enam jenis persekitaran kerjaya. iaitu Realistik, Intelektual , Artistik, Sosial , Enterprising dan Konvensioanl

(Holland , 1985). Beberapa kajian di negara lain di Eropah , Asia, Australia dan sebagainya juga mendapat keputusan yang hampir sama. Begitu juga kajian kes ke atas pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan oleh Amla (1987), Tan Hui Choong, Dasimah, Amla dan Subahan (1991) juga telah menyokong teori Holland ini.

1.4 Tujuan Kajian

- Kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk :
- meneliti dan membuat penerokaan terhadap pola minat kerjaya pelajar-pelajar di Felda dengan lebih mendalam dengan menggunakan alat SDS yang berdasarkan domain keupayaan dan kecekapan yang ada pada diri pelajar serta pekerjaan yang diminati oleh pelajar;
2. melihat sama ada terdapat perbezaan minat kerjaya antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan;
 3. melihat sama ada terdapat perbezaan minat kerjaya antara pelajar aliran Sains dan aliran Kemanusiaan.
 4. melihat sama ada terdapat perbezaan minat kerjaya antara pelajar yang berpencapaian akademik tinggi, sederhana dan rendah.

Secara khusus, kajian yang dijalankan ini adalah untuk membantu pelajar mengenal pasti pola minat kerjaya mereka. Di samping itu, kajian ini dapat memberikan maklumat dan informasi yang relevan di peringkat asas pemilihan kerjaya. Pelajar-pelajar yang menjalani ujian kerjaya ini secara tidak langsung terbimbing dan dapat mencorakkan hala tuju kerjaya mereka. Kajian yang dijalankan bukan setakat memberikan pendedahan tentang pola minat tetapi juga

memberangsangkan motivasi belajar. Melalui kajian ini juga diharapkan ia dapat membantu dalam meningkatkan keyakinan diri pelajar bagi memperoleh maklumat kerjaya di peringkat seawal mungkin.

1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan kepada beberapa tujuan yang telah disebutkan di atas, kajian ini akan mencari jawapan kepada beberapa soalan-soalan seperti yang berikut:

- i) Apakah pola minat kerjaya pelajar-pelajar tersebut?
- ii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.
- iii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya antara pelajar aliran Sains dan pelajar-pelajar aliran Sastera.
- iv) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya antara pelajar berpencapaian akademik tinggi, sederhana dan rendah.

1.5 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini adalah berguna untuk membantu beberapa pihak, iaitu pelajar, guru, sekolah dan pihak kementerian pendidikan dalam memikirkan tindakan susulan untuk menentukan jenis kerjaya mengikut bidang yang selaras dengan minat mereka. Kajian ini cuba melihat andaian bahawa alat SDS ini dapat digunakan dalam konteks pelajar-pelajar Malaysia. Secara tidak langsung pelajar-pelajar ini berpeluang menerima maklumat dalam usaha meneroka dan membuat keputusan dalam lapangan yang diminati serta yang kongruen dengan minat bakat dan keupayaan mereka.

Berdasarkan pengukuran minat kerjaya ini yang mana ia berperanan untuk membuka minda pelajar tentang kepentingan ujian sebegini dan menjadikan ujian psikologi sebagai garis panduan dalam membimbing pengurusan kerjaya, tingkah laku serta yang bersesuaian dengan perkembangan diri terutama aspek afektif. Ini bermakna pemilihan jenis kerjaya mestilah berlandaskan satu pengukuran yang benar-benar mengukur keupayan, bakat dan minat mereka dalam sesuatu bidang kerjaya.

Melalui penggunaan alat SDS ini juga pelajar berupaya mengenal pasti potensi diri yang akan memanifestasikan keupayaan dan kesukaan serta pilihan pekerjaan masing-masing. Oleh itu pengukuran ujian minat kerjaya ini boleh memberikan celik akal yang tepat dan sebenar dalam membuat pemilihan kerjaya. Pelajar akan mula menyedari matlamat pergi ke sekolah dan usaha untuk menimba ilmu itu akan menjadi lebih bermakna. Oleh itu, mereka menyedari potensi masing-masing terdapat dalam satu-satu bidang tertentu dan cuba memperbaikinya dengan belajar bersungguh supaya impian mereka tercapai.

Implikasi yang paling penting dalam menjalani ujian minat kerjaya ini ialah ia dapat memberikan kesedaran dan kepekaan bagi memahami diri individu dan pemilihan tersebut benar-benar merupakan manifestasi personaliti mereka. Mereka akan cuba mengikuti aktiviti di sekolah serta memenuhi masa – masa persekolahan dengan penuh minat serta kurang melibatkan diri dengan kegiatan yang kurang berfaedah di luar sekolah. Ini kerana mereka sedar bahawa sekolah ialah tempat

yang paling sesuai untuk berinteraksi sesama rakan serta keadaan di sekolah lebih terkawal daripada gejala negatif.

Kajian ini penting kepada guru bimbingan yang juga berperanan dalam menyebarluaskan penggunaan inventori sebegini. Tidak dapat dinafikan peranan pihak pentadbir sekolah yang digalakkan memantau pelaksanaan penggunaan ujian sebegini dapat memperluaskan penggunaannya kepada para pelajar dan memberikan kerjasama. Rangkaian hubungan boleh dijalankan antara pihak sekolah atau pihak jabatan malah pihak universiti bagi mendapatkan khidmat nasihat tentang penggunaan ujian-ujian psikologi.

Secara tidak langsung, apabila di peringkat sekolah telah ada sistem pemilihan kerjaya yang kemas dan tersusun, apabila ke institusi pengajian tinggi mereka merupakan tenaga kerja yang akan menjalani latihan dan kemahiran khusus dalam sesuatu bidang kerjaya dan sekaligus memantapkan bekalan sumber tenaga manusia yang berkualiti.

Jelaslah bahawa amat perlu setiap pelajar menerima maklumat kerjaya semasa mereka di bangku sekolah kerana ia dapat memberikan pelajar peluang untuk meneroka diri dalam bidang yang sesuai dengan minat, bakat dan kebolehan mereka. Ini kerana keserasian antara minat kerjaya dengan ciri-ciri persekitaran akan menimbulkan kesan yang positif terhadap kehidupan seseorang.

1.7 Definisi Istilah

a) Minat

Kamus Dewan memberikan maksud minat sebagai keinginan , kesukaan atau kecenderungan untuk mengetahui sesuatu. Kamus Dwibahasa Dewan Bahasa Dan Pustaka memberi pengertian minat sebagai menarik perhatian, menimbulkan minat, menunjukkan sifat ingin tahu. Menurut Strong (1976) minat ditakrifkan sebagai menaruh perhatian, perasaan,penggunaan motivasi, serta pengamatan yang mendalam.

b) Kerjaya

Kerjaya didefinisikan sebagai tugas dan tanggungjawab yang dipikul oleh seseorang secara rutin. Kerjaya yang dilaksanakan itu menentukan cara dan gaya hidup seseorang. Telahan daripada Zunker (1994) pula merujuk kerjaya sebagai aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam pekerjaan , tugas dan tanggungjawab serta berkait rapat dengan aktiviti yang menyentuh pekerjaan individu sepanjang hayat. Manakala Tolbert (1974) menegaskan kerjaya sebagai satu proses yang berterusan dalam perkembangan kepercayaan dan nilai, kemahiran dan aptitud,minat, ciri-ciri personaliti dan pengetahuan terhadap kerjaya. Tegasnya lagi, minat terhadap kerjaya membawa maksud keinginan dan kecenderungan seseorang terhadap aktiviti-aktiviti serta tugas-tugas yang berhubung dengan pekerjaan.

c) Personaliti

Personaliti atau dalam bahasa Inggeris *person* berasal daripada perkataan Latin iaitu persona yang bermaksud *topeng muka* . Tafsiran kepada maksud

topeng muka ialah manusia ingin menampilkan perilaku yang baik sahaja dan menyembunyikan yang buruk. Bagaimanapun, maksud topeng yang difahami oleh orang ramai pada masa dahulu telah menerima pengubahsuaian kini, iaitu sifat-sifat yang ada pada seseorang seperti cara berfikir, perilaku dan juga mental -emosi yang ditunjukkan. Sifat-sifat tersebut biasanya bergantung juga kepada penilaian seseorang terhadap orang tertentu atau dengan lain perkataan cermin diri.

Dalam membicarakan definisi personaliti, beberapa orang ahli psikologi telah memberikan definisi yang berbeza. Sesetengah ahli psikologi berpendapat personaliti sebagai perwatakan tetapi ada yang mengehadkannya kepada tingkah laku seseorang. Sigmund Freud menjelaskan personaliti sebagai interaksi struktur-struktur dalaman seperti *id, ego dan superego*. Ketiga-tiga struktur ini memainkan peranan dalam pembentukan tingkah laku seseorang.

Gordon Allport (1961) melihat personaliti sebagai penyusunan sistem psikofizikal yang dinamik di dalam diri individu yang menentukan ciri-ciri tingkah laku dan penyesuaian dengan alam sekeliling. Maddi (1980) menjelaskan personaliti ialah berkaitan dengan pemikiran, mental - emosi dan tingkah laku seseorang

Personaliti adalah merujuk kepada tret-tret atau sifat-sifat diri individu yang secara langsung mempengaruhi cara individu itu

berfikir, memerhati dan berinteraksi dengan cara yang tertentu. Dapat dirumuskan bahawa personaliti adalah ciri-ciri intrinsik individu, terbit daripada interaksi biologikal serta persekitaran sosial dan fizikal. Dalam kajian ini, jenis personaliti yang dimaksudkan adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang dikemukakan oleh Holland (1966, 1973, 1985^a) : Realistik (R), Investigatif (I), Artistik (A) Sosial (S), Enterprising (E) dan Konvensional (K).

d) Pelajar - pelajar

Pelajar - pelajar sekolah menengah yang dijadikan subjek dalam kajian ini merujuk kepada kumpulan remaja yang berumur dalam lingkungan 17 tahun dan layak menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Peringkat remaja adalah merujuk kepada satu zaman peralihan dari peringkat zaman kanak-kanak ke peringkat dewasa yang berada dalam lingkungan umur 15 hingga 20 tahun. Remaja telah mula menunjukkan personaliti yang mereka perlu dilayani seperti orang dewasa dan tidak mahu diperbudak-budakkan. Ini kerana mereka mulai memperlihatkan kematangan dari segi rohani, jasmani, intelek dan sosial Mohd Salleh (1995). Oleh itu mereka sudah memperlihatkan minat terhadap sesuatu pekerjaan dengan lebih jelas dan ciri-ciri personaliti mereka semakin hampir dengan minat dan bakat untuk sesuatu jenis kerjaya.

Merujuk kepada definisi Havinghurst (1981) jangka waktu 12 - 18 tahun merupakan zaman pertumbuhan fizikal dan emosi. Minat kerjaya mulai terbentuk ketika ini dan remaja mulai mencari identiti diri. Tugas

perkembangan zaman remaja menurut Havinghurst lagi ialah membentuk kemahiran sosial, menerima bentuk kebebasan mental - emosi, bersedia mendapatkan pekerjaan dan membina nilai dan sistem etika. Tegasnya lagi, minat terhadap kerjaya merupakan perkara utama yang diterokai , khususnya ketika dalam lingkungan umur 15 ke 20 tahun.

e) Sekolah Menengah

Sekolah yang dirujuk dalam kajian ini ialah sekolah menengah amnya dan Sekolah Menengah Kebangsaan di Felda. Sekolah Menengah dalam sistem pendidikan di Malaysia terbahagi kepada 2, iaitu Sekolah Menengah Rendah dan Sekolah Menengah Atas. Kurikulum pendidikan di peringkat menengah rendah sekarang ialah bertujuan untuk memberikan pendidikan umum di samping menyediakan peluang kepada murid-murid mempelajari satu mata pelajaran elektif yang bercorak pravokasional, berdasarkan pilihan mereka sendiri. Pelajar-pealajar di peringkat ini akan menduduki peperoksaan Penilaian Menengah Rendah bagi maksud pensijilan dan pemilihan ke peringkat menengah atas.

Di sekolah menengah atas pelajar-pelajar disalurkan sama ada ke jurusan akademik, teknik atau vokasional. Dalam jurusan akademik pelajar-pelajar boleh mengikuti jurusan sains tulen, perdagangan , sastera, dan teknik (Jawatankuasa Kabinet, 1982).

Havinghurst (1981) menjelaskan bahawa di peringkat sekolah menengah kurikulum terarah kepada : pertama membantu pelajar memilih pekerjaan yang selaras dengan keupayaan dan minatnya; dan kedua, membantu pelajar memilih kerjaya yang bersesuaian dengan nilai dan norma masyarakatnya.

f) FELDA

Felda atau singkatannya Federal Land Development Authority adalah sebuah kawasan tanah pinggir yang dibangunkan oleh pihak kerajaan untuk dijadikan kawasan petempatan dan pembangunan pertanian. FELDA yang dimaksudkan dalam kajian ini antara FELDA yang terawal di Johor dan terletak dalam Gugusan Felda Taib Andak , Gugusan Selatan Semenanjung. Lokasi FELDA terletak di kawasan luar bandar dengan makna lain kajian di FELDA merujuk kepada sampel anak-anak peneroka yang mendiami kawasan luar bandar dan sistem petempatan adalah berstruktur serta jenis pekerjaan yang dijalankan adalah stereotaip.